



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA
BAGI PENGGAL YANG PERTAMA DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM YANG TELAH DIADAKAN
PADA 6HB. - 9HB. DIS. 1982**



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA
BAGI PENGGAL YANG PERTAMA DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM YANG TELAH DIADAKAN
PADA 6HB. - 9HB. DIS. 1982**

MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENG GAL YANG PERTAMA, DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM YANG AKAN BERMULA PADA 6HB. DISEMBER, 1982, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. **DOA**

2. **Pengumuman oleh Tuan Speaker.**

3. **Membentangkan Risalat-risalat:**

Bil. 4 Tahun 1982	—	Anggaran Hasil dan Perbelanjaan 1983.
Bil. 5 Tahun 1982	—	Anggaran Pembangunan 1983.
Bil. 6 Tahun 1982	—	Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1979.
Bil. 7 Tahun 1982	—	Laporan Ketua Odit Negara, Negeri Pulau Pinang, 1979.
Bil. 8 Tahun 1982	—	Penyata Kira-Kira Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1977.
Bil. 9 Tahun 1982	—	Penyata Kira-Kira Majlis Perbandaran Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1978.
Bil. 10 Tahun 1982	—	Penyata Kira-Kira dan Kunci Kira-Kira Pihak Berkuasa Air, Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1980.
Bil. 11 Tahun 1982	—	Penyata Kira-Kira Perbadanan Perpustakaan Umum, Pulau Pinang bagi tahun 1980.
Bil. 12 Tahun 1982	—	Penyata Kira-Kira Pendapatan dan Perbelanjaan Perbadanan Perpustakaan Umum, Pulau Pinang Tahun 1981.
Bil. 13 Tahun 1982	—	Penyata Kira-Kira Pendapatan dan Perbelanjaan dan Tabong Bangunan Tahun 1981, Lembaga Muzium Negeri, Pulau Pinang.
Bil. 14 Tahun 1982	—	Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi Tahun 1981.

4. **SOALAN**

(A) (Mulut):

(I) Y.B. Encik Wong Hoong Keat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Jelaskan dasar cara memperuntukan rumah-rumah kos rendah kerajaan perubahan-perubahan besar keatasnya dan sebutkan

juga kelas-kelas orang yang diberi keutamaan dalam dasar yang terdapat sekarang?

2. Adakah beliau sedar bahawa disebabkan oleh projek-projek membangunkan semula kawasan bandar dan perubahan-perubahan lalu lintas telah menyebabkan penjaja-penjaja tidak dibenarkan berniaga di tempat-tempat asal mereka berniaga dan kini sedang menghadapi kesukaran bagi mendapatkan tempat yang sesuai untuk mencari nafkah. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

(II) Y.B. Encik Karpal Singh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Berapakah bilangan pengaduan mengenai kakitangan Kerajaan Negeri ini yang telah diterima dalam tahun 1982 dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri?
2. Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengadakan satu penyiasatan mengenai isu Bukit Gambier yang telah melibatkan rakyat Negeri Pulau Pinang? Jika tidak, sila beritahu sebab-sebabnya.
3. Adakah Kerajaan Negeri bersedia mengenakan peruntukan di bawah seksyen 8, Land Conservation Act 1960, keatas pengambilan tanah di Bukit Gambier untuk tujuan awam bagi mengelakkan hakisan dan pencemaran? Jika tidak, sila beri sebab-sebabnya?
4. Adakah benar tentang pendedahan oleh Encik S.M. Idris, Yang diPertua CAP iaitu sungguh pun kawasan Bukit Gambier telah di wartakan sebagai tanah bukit hanya pada April, 1981, pihak pemaju telah dibenarkan oleh Pihak Berkuasa menjalankan aktiviti-aktiviti di kawasan tanah bukit tersebut sebelum tarikh itu lagi? Jika benar, apakah tindakan yang akan di ambil ke atas mereka yang terlibat?
5. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan secara persahabatan perselisihan di antara penghuni-penghuni Estet Thean Teik dan Pemaju Perumahan Farlim?
6. Nyatakan butir-butir mengenai perjanjian yang telah tercapai baru-baru ini diantara Negeri Pulau Pinang dan Kedah mengenai pertikaian sempadan yang begitu lama mengenai Sungai Muda yang mengalir sepanjang 9 batu yang terletak diantara Negeri Kedah dan Pulau Pinang?
7. Bagaimanakah sambutan Kerajaan Negeri ini terhadap tuntutan Sultan Perak ke atas wilayah Pulau Pinang baru-baru ini?
8. Sila senaraikan tanah-tanah yang telah diambil balik oleh Kerajaan di Pulau Pinang semenjak tahun 1970 dibawah Akta Pengambilan Tanah, 1960 dan juga gantirugi yang dibayar bagi setiap pengambilan balik? Apakah maksud tertentu di atas pengambilan balik tanah-tanah tersebut?

9. Apakah hasil yang diperolehi oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam rangka lawatannya ke Seberang Laut baru-baru ini? Sila nyatakan tujuan lawatan tersebut.
10. Adakah cadangan untuk melantik seorang Timbalan Ketua Menteri bagi Negeri ini?
11. Apakah syarat-syarat asas bagi perlantikan seseorang Ahli EX-CO menjadi Pemangku Ketua Menteri semasa ketiadaan Ketua Menteri di dalam Negeri?
12. Apakah cara-cara yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan rumah kos rendah dalam negeri ini?
13. Apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi ancaman bahaya 'radiation' yang menjejaskan kesihatan orang-orang yang tinggal berhampiran dengan kawasan pembuangan tentalum yang mengandungi bahan radioactive itu di Jalan Hill Railway?
14. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri mengenai laporan yang dibuat oleh pasukan petugas yang telah ditubuhkan tidak berapa lama dahulu untuk menyiasat penyelewengan di dalam Jabatan Tanah dan Galian Pulau Pinang?

III. Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. (a) Berapakah jumlah pemohon yang memohon rumah murah yang sedang dalam pembinaan di Kampung Besar dan Kampung Selamat, Tasek Gelugor setakat ini? Berikan bilangan pemohon mengikut kawasan ADUN dan Daerah bagi setiap projek ini?
- (b) Bolehkah beliau memberi jaminan di Dewan ini bahawa pemilihan untuk mendapatkan rumah kos rendah di Kampung Besar, dan di Kampung Selamat itu hanya akan dipileh terdiri dari orang-orang yang tidak mempunyai rumah dikawasan ADUN Tasek Gelugor?
2. Adakah beliau sedar bahawa banyak hotel yang bertaraf antarabangsa di Negeri Pulau Pinang sekarang ini tidak menunjukkan arah kiblat di bilik-bilik bangunan hotel mereka untuk kemudahan pelanggan-pelanggan dari kalangan orang-orang Islam? Jika sedar, adakah usaha-usaha daripada pihak Kerajaan Negeri bagi mengarahkan tuan-tuanpunya hotel supaya menandakan arah kiblat di bilik-bilik hotel?
3. Adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan negeri yang baru di bina JKR di kawasan Dewan Undangan Negeri Tasek Gelugor masih belum ditar dan mengakibatkan kesusahan kepada orangramai? Jika sedar, adakah usaha-usaha untuk mempercepatkan kerja penurapan bagi faedah pengguna-pengguna di kawasan ini?
4. Bilakah beliau akan mengumumkan keputusan Kerajaan Negeri untuk mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah Agama Rakyat di Negeri ini?

5. Apakah sebab-sebabnya pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri ini mengambil masa terlalu lama untuk mengisi jawatan Mufti yang masih kosong itu? Adakah jawatan ini akan terus dibekukan sehingga tahun 1983.
6. Bilakah elaun bagi ahli-ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan dinaikkan?
7. Bilakah beliau akan mengumumkan tarikh rasmi penggunaan Lambang Baru Negeri Pulau Pinang? Sila tunjukkan contoh Lambang yang baru itu di Dewan yang mulia ini untuk tatapan rasmi.
8. Adakah terdapat sebarang rancangan Kerajaan Negeri untuk mengadakan pakaian rasmi bagi Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sepertimana di beberapa Negeri yang lain di Malaysia? Jika ada, bilakah pemakaian pakaian rasmi tersebut akan dimulakan?
9. Adakah peruntukan-peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan ini dalam sidang belanjawan 1981 telah dibelanjakan mengikut jadual oleh jabatan-jabatan berikut di bawah ini:-
 1. Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Negeri Pulau Pinang.
 2. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang.
 3. Jabatan Haiwan Negeri Pulau Pinang.
 4. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang.
 5. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.
 6. Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang.
 7. Jabatan-jabatan lain yang ada hubungan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sila berikan butir-butir perbelanjaan yang telah dibelanjakan? Jika tidak habis dibelanjakan, mengapakah peruntukan wang itu masih berlebihan?

10. Berapakah tunggakan-tunggakan cukai tanah yang masih belum dijelaskan oleh rakyat negeri ini? Berikan jumlah tunggakan-tunggakan cukai tanah itu mengikut daerah-daerah bagi tahun-tahun berikut:-
 1. Tahun 1978
 2. Tahun 1979
 3. Tahun 1980
 4. Tahun 1981
11. Adakah beliau sedar bahawa Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam tahun 1959 dengan jelas dan terang telah mencatatkan peruntukan Fasal 113(1) di muka surat 54 bahawa Pegawai Masjid hendaklah disifatkan sebagai Pegawai Kerajaan? Jika sedar, kenapakah Pegawai-pegawai seperti ini tidak dibayar gaji penuh mengikut sekim perkhidmatan mereka?
12. Bilakah kawasan Kepala Batas akan diisytiharkan sebagai Daerah Kecil dalam Negeri Pulau Pinang sepertimana yang per-

nah disebut dalam Dewan ini beberapa tahun yang lalu? Kenapakah perisytiharan tersebut sehingga ini belum lagi diumumkan?

IV Y.B. Dr. Khoo Soo Kheng bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Adakah beliau sedar bahawa sejak Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lalu, feri di Batu Kawan telah dilaporkan tenggelam sebanyak tiga kali? Jika ya, adakah beliau akan meminta Kerajaan Pusat membina jabatan disitu lebih awal daripada yang dijadualkan?
2. Adakah beliau sedar longkang-longkang monsun di Bagan Buaya, Kampung Tengah Changkat, dan Kelang Sago Changkat di kawasan Nibong Tebal tidak di bersihkan selama lebih dari tiga tahun yang lalu dan sekarang ini longkang-longkang itu didapati tersumbat dengan sampah sarap, rumput rampai dan najis babi sehingga mengancam kesihatan penduduk-penduduk di kawasan itu? Jika ya, nyatakan jabatan manakah yang bertanggungjawab di atas kerja pembersihan longkang-longkang itu dan adakah jadual kerja akan ditetapkan supaya longkang-longkang tersebut dibersihkan dari masa ke semasa?
3. Adakah Lesen Tumpangan Sementara akan digantikan dengan suratan hakmilik tetap dan dilanjutkan tempohnya sehingga 66 tahun atau 99 tahun? Memandangkan kebanyakan pemegang-pemegang L.T.S. adalah terdiri dari golongan yang kurang mampu, adakah bayaran lesen tahunan itu akan dikurangkan? Sistem apakah yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengira kadar bayaran L.T.S.?
4. Berapa banyakkah tanah-tanah yang telah diambilbalik oleh Kerajaan Negeri sejak 10 tahun yang lalu? Adakah bayaran ganti-rugi yang berpatutan dibayar kepada tuan-tuan tanah itu? Adakah tanah yang diambilbalik itu digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud perdagangan.
5. (a) Apakah sebabnya bot nelayan perlu dicatkan semula semasa bot itu diperiksa untuk membaharui lesen dan adakan beliau setuju bahawa syarat ini akan membebankan kaum nelayan?
(b) Adakah beliau sedar apabila bot nelayan lama itu digantikan dengan yang baru, bot lama itu perlu dimusnahkan dan tidak boleh dijual kepada nelayan-nelayan yang lain yang mempunyai lesen yang sah? Jika ya, adakah beliau bersetuju sekiranya syarat seperti ini dibatalkan untuk melindungi kaum nelayan dari mengalami kerugian yang besar?
6. Adakah beliau sedar bahawa tekanan air di kawasan-kawasan Sungai Bakap, Nibong Tebal dan Sungai Udang adalah amat rendah? Jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

7. Adakah benar sebilangan kecil rakyat yang sudah mempunyai rumah masih diberi peruntukan rumah kos rendah di Skim Perumahan Sungai Jawi? Adakah penduduk-penduduk rumah kos rendah akan diberi salinan perjanjian yang ditandatangani oleh mereka dan pihak kerajaan bagi membolehkan mereka mengetahui tentang syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian itu?
8. (a) Nyatakan berapa banyak lagi unit rumah kos rendah di Sungai Jawi yang masih belum diperuntukkan bagi pemohon-pemohon yang layak?
(b) Apakah sebab-sebab yang menyebabkan kelambatkan ini?
(c) Adakah pemilihan pemohon-pemohon dibuat berasaskan kepada pertimbangan politik?
9. Berapakah jumlah kerugian kewangan Kerajaan dalam tempoh sebulan dengan membiarkan rumah-rumah kos rendah kosong di rancangan-rancangan perumahan Valdor, Bukit Panchor dan Sungai Jawi?
10. Adakah beliau sedar untuk membina sebuah rumah batu atau rumah atap tuan rumah dikehendaki membayar sumbangan kepada sesalur air iaitu sebanyak beberapa ratus ringgit bagi rumah batu dan \$20.00 hingga \$40.00 bagi rumah atap? Mengapakah kadar bayaran sumbangan kepada sesalur itu berbeza-beza bagi kedua-dua jenis rumah itu? Adakah ini bermakna kerajaan lebih menggalakkan rakyat membina rumah atap? Adakah sumbangan seperti ini akan dibatalkan seperti mana yang telah dilakukan oleh pihak L.L.N. mulai 1.1.1982?
11. Adakah beliau sedar di kawasan-kawasan perumahan tuan rumah adalah dikehendaki membayar kadar bekalan air mengikut kod 3 dan bukan 1 semasa mereka membuat binaan tambahan, pagar batu atau memperbaharui rumah mereka? Jika ya, mengapakah apabila Pihak Berkuasa Air diberitahu setelah kerja kecil itu selesai, tuan rumah yang berkenaan masih terus dikenakan kadar kod 3 sehingga beberapa bulan kemudian? Apakah langkah-langkah berkesan yang akan di ambil oleh PBA supaya memberi khidmat yang lebih cekap?

V. Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Sebelum peristiwa malang berlaku di Estet Thean Teik, adakah suatu jawatankuasa khas Peringkat Daerah di bentuk untuk menyelesaikan persengketaan tersebut?
(b) Siapakah ahli-ahli jawatankuasa ini?
(c) Adakah satu Jawatankuasa Penyiasatan akan ditubuhkan?

VI. Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Semenjak tahun 1957 sehingga sekarang berapa ramaikan orang

awam, kakitangan Kerajaan dan ahli politik (jika ada) yang telah berjaya mendapat pemberianmilik tanah Kerajaan Negeri di Pulau Pinang?

- (a) Sila beri butir-butir bagi orang yang mendapat pemberianmilik tanah Kerajaan.
 - (b) Sila beri butir-butir penting berkaitan dengan tanah. Kerajaan yang diberimilik itu (iaitu maklumat berhubung dengan ukuran, tempat, kadar harga dan lain-lain).
 - (c) Sila terangkan apakah dasar pertimbangan ("criteria") untuk meluluskan tanah Kerajaan yang tersebut di atas.
 - (d) Sila terangkan apakah dasar pertimbangan yang dikehendaki sekarang untuk memohon tanah Kerajaan.
2. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa banyak bantahan dan aduan telah dibangkitkan tentang Sistem Lalulintas Baru yang dilaksanakan bagi kawasan Jalan Bagan Luar/Jalan Telaga Air/Jalan Jetti Lama/Jalan Kampung Gajah di Butterworth? Jika ya, apakah langkah-langkahnya yang telah diambil dan akan diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni dan tuan-tuan punya kedai di kawasan yang terlibat akibat dari pelaksanaan Sistem Lalulintas Baru ini?
 3. Adakah Kerajaan sedar bahawa Kampung Malaysia Mak Mandin, dan Kampung Jalan Mengkuang, Butterworth tidak mempunyai sistem longkang yang sesuai dan sempurna yang mana mengakibatkan kedua-dua kawasan ini selalu menghadapi masalah banjir?
Adakah pihak yang berkenaan menyiasat masalah ini?
Apakah langkah-langkahnya yang diambil untuk mengatasi masalah banjir ini?
 4. Sehingga hari ini, apakah keputusan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap masalah membaiki, meningkatkan taraf, menyelenggara dan mengambilalih jalan-jalan di tapak perumahan yang lama?
Jabatan manakah yang akan bertanggungjawab di atas kerja-kerja tersebut dan berapa banyaknya peruntukan yang telah diperuntukkan?
 5. Berkenaan cadangan untuk mengadakan sebuah mini zoo di Pulau Pinang, adakah Kerajaan Negeri telah menentukan pelannya? Dimanakah zoo ini akan ditempatkan dan Jabatan manakah yang bertanggungjawab di atas Pentadbiran zoo ini? Berapa banyaknya peruntukan yang telah diperuntukkan dan bilakah projek ini akan dilaksanakan?
 6. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa rumah pangsa di Mak Mandin, Butterworth tidak pernah diselenggara sejak ianya dibina lebih 10 tahun dahulu; misalnya Rumah Pangsa ini tidak pernah dicatkan walau sekalipun? Jika ya, adakah Kerajaan

Negeri mempunyai rancangan untuk menyelenggarakan Rumah Pangsa ini? Berapakah peruntukan yang akan diberi?

VII. Y.B. Tuan Haji Jusoh @ Haji Yusoff Hilmi bin Haji Shafie bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan raya yang dikorek oleh pihak kerajaan tidak dibaiki semula sehingga berbulan-bulan lamanya yang mana keadaan ini membahayakan lalulintas dan kerap kali berlaku kemalangan iaitu seperti di Jalan Simpang Berapit ke Kubang Semang dan Jalan Kubang Ulu ke Mengkuang?

VIII. Y.B. Encik Teoh Teik Huat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Adakah beliau sedar bahawa satu Memorandum Persefahaman mengenai pertikaian sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang telah di tandatangani semasa ketiadaan YAB. Ketua Menteri? Jika ya,
 - (i) Mengapakah persetujuan tersebut tidak ditandatangani selepas kepulangan beliau ke Pulau Pinang?
 - (ii) Adakah Memorandum itu telah ditandatangani oleh kerana YAB. Menteri Besar Kedah memberi kata dalam sebulan bagi menyelesaikan pertikaian sempadan tersebut? Jikalau bukan kerana itu, kenapakah pula dilakukan secara tergesa-gesa?
- (b) Adakah satu mesyuarat Ahli-Ahli Majlis Kerajaan (EXCO) telah dipanggil untuk membincangkan isu tersebut sebelum Memorandum Perjanjian itu ditandatangani oleh Y.B. Pemangku Ketua Menteri?
 - (i) Jika ya, bilakah mesyuarat tersebut diadakan dan kenapakah Majlis Mesyuarat Kerajaan telah bercanggah dari keputusan awal yang dibuatnya pada 10.1.1980 yang berbunyi ".....Majlis Mesyuarat Kerajaan mengulangi sekali lagi tentang pendiriannya bahawa bahagian pertengahan pengaliran Sungai Muda termasuk sebahagian dari sungai yang telah dilencungkan (yang mana ianya sekarang tanah daratan) hendaklah menjadi sempadan di antara Negeri Kedah dan Pulau Pinang"?
 - (ii) Jika tidak, kenapakah Pemangku Ketua Menteri menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut bagi pihak Negeri Pulau Pinang tanpa berbincang dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?
2. Adakah Majlis Perbandaran meletakkan syarat untuk memastikan penduduk-penduduk dan setinggan-setinggan diberi bayaran gantirugi yang berpatutan dan adil sebelum memberi kelulusan bagi sesuatu projek pembangunan?
 - (a) Jika ya, apakah syarat-syarat tersebut?

- (b) Jika tidak, adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan mengenakan syarat-syarat demikian untuk memastikan pertikaian masalah tanah diantara pemaju perumahan dan penduduk-penduduk dapat dielakkan sebelum sesuatu projek perumahan dimulakan?
3. Mengapakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak bercadang untuk menjual rumah pangsa kepada penghuni-penghuni dan penyewa-penyewa rumah pangsa tersebut walhal Majlis Perbandaran mengalami kerugian pada setiap tahun kerana perbelanjaan kos penyelenggaraan dan tujuan awalnya untuk menyediakan tempat sementara bagi meringankan masalah kekurangan rumah murah telah terkeluar dari tujuan asal kerana kebanyakan mereka telah tinggal dirumah tersebut lebih dari lima tahun?
4. Adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan yang dikorek dan diperbaiki yang dijalankan oleh berbagai jabatan telah menyebabkan kesesakan lalu lintas disetengah jalan-jalan yang sibuk di bandar ini. Jika ya, adakah cadangan bagi kerja memperbaiki tersebut dijalankan pada waktu malam?
5. Adakah beliau sedar bahawa seramai 33 orang pekebun kecil yang tinggal di Bukit Sungai Dua tidak puas hati diatas tanah mereka yang diambil balik oleh Kerajaan Negeri dan mereka telah menghantar satu rayuan kepada Y.A.B. Perdana Menteri bagi membantah pengambiln tanah tersebut? Jika ya,
- (a) Bilakah tanah tersebut telah diambil balik oleh Kerajaan Negeri?
- (b) Berapakah jumlah kadar bayaran yang ditawarkan keatas tanah tersebut?
- (c) Apakah tujuan tanah tersebut diambil dan kenapakah kawasan tersebut yang diambil balik?
6. (a) Apakah tujuan lawatan rombongan Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai ke Kota Baru dan Golok baru-baru ini?
- (b) Adakah lawatan tersebut dibiayai oleh Majlis Perbandaran?
- (c) Apakah faedah dari lawatan tersebut memandangkan tempoh perkhidmatan ahli-ahli Majlis tersebut akan tamat pada 14hb. Disember, 1982 ini?
- (d) Adakah Kerajaan Negeri akan menghentikan lawatan-lawatan Ahli-Ahli Majlis Perbandaran yang tidak berfaedah kerana ianya dibiayai dari wang orang ramai dan pembayar cukai.
7. Bolehkah Ketua Menteri nyatakan:-
- (a) Bilakah Pasar Jalan Maxwell itu akan diruntuhkan untuk pembangunan projek KOMTAR?
- (b) Di manakah tapak gantian bagi pasar tersebut dan bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan?

- (c) Berapakah jumlah gerai yang terlibat?
 - (d) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menguntukan gerai-gerai gantian bagi penjaja-penjaja tersebut?
8. Adakah beliau sedar bahawa penduduk-penduduk yang terlibat dengan projek pembangunan KOMTAR yang telah dipindahkan ke rumah-rumah klaster Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di Jalan Cecil dan kawasan Weld Quay untuk sementara 4-5 tahun dahulu masih lagi didapati tinggal di tempat tersebut? Jika ya,
- (a) mengapakah penduduk-penduduk yang terlibat dalam peringkat pertama projek KOMTAR ini masih tidak diambil perhatian?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri atau pun Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang bercadang hendak memindahkan penduduk tersebut?
 - (c) Jika ya, bilakah mereka-mereka yang terlibat ini akan dipindahkan? Jika tidak, mengapa?
9. Adakah beliau sedar bahawa sebuah titi kayu yang berdekatan dengan satu pintu air di Prangin Road Ghaut telah rosak tanpa diperbaiki lebih dari setahun lalu walaupun penduduk-penduduk di kawasan tersebut telah berkali-kali meminta pihak Kerajaan mengambil tindakan. Kerosakan ini membahayakan keselamatan pengguna-pengguna titi tersebut? Jika ya, bilakah tindakan akan diambil untuk memperbaiki jambatan tersebut?
10. Adakah beliau sedar bahawa pemohon-pemohon yang berjaya mendapat peruntukan lot-lot kedai dirancangan rumah pangsa Taman Free School telah dikenakan membayar sewa-sewa kedai tersebut sebaik saja permohonan mereka lulus dalam bulan Mac tahun ini sedangkan mereka hanya boleh menggunakan kedai tersebut pada bulan Jun kerana air dan api letrik hanya dipasang pada penghujung bulan Mei? Jika ya, adakah beliau akan menimbangkan untuk menarik balik pembayaran sewa 3 bulan yang telah dibayar oleh pemohon-pemohon tersebut?

IX. Y.B. Tuan Haji Ahmad bin Saleh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini mengenai rancangan untuk membina sebanyak 3,020 unit rumah kos rendah, adakah rancangan tersebut telah dilaksanakan atau pun belum?
Jika telah dilaksanakan, sila beri butir-butir seperti di bawah ini:
 - (a) Jumlah unit rumah yang telah dibina mengikut projek dan Daerah; dan
 - (b) Berapa jumlah kos perbelanjaan pembinaan sesuatu projek mengikut Daerah?

2. Adakah Kerajaan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penghuni-penghuni di beberapa rancangan perumahan murah Kerajaan umpamanya kekurangan tempat-tempat ibadat, pusat membeli-belah dan sebagainya? Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaikinya?
3. Adakah Kerajaan sedar ujudnya jurang perbezaan taraf hidup nelayan dan petani dengan yang berada?
 - (a) Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaikinya?
 - (b) Adakah apa-apa langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menambah lesen-lesen pukat bagi nelayan-nelayan Negeri ini?
 - (c) Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan projek menternak babi bagi penternak-penternak di kawasan Pulau Pinang?
4. Berapakah jumlah peruntukan bagi membina jalan-jalan luar bandar mengikut tiap-tiap Daerah?
 - (a) Berapakah projek yang telah siap dibina mengikut tiap-tiap Daerah?
 - (b) Berapakah pula jumlah projek-projek yang belum siap dan beri sebab-sebabnya?
5. Berapakah jumlah Biasiswa kecil yang telah dikeluarkan bagi tahun 1981 dan 1982 bagi tiap-tiap daerah? Dari jumlah itu, berapakah yang akan diperuntukkan bagi tiap-tiap daerah?
6. Adakah beliau sedar bahawa terdapat pondok-pondok yang menjual tiket loteri dan toto berhampiran dengan Pejabat Majlis Ugama Islam? Jika ya, adakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memindahkan pondok-pondok tersebut dan jika tidak, apakah sebab-sebabnya?
7. Adakah beliau sedar bahawa banyak masalah akan timbul akibat pembinaan rumah Ibadat yang telah didirikan ditapak yang tidak sesuai misalnya, ditepi-tepi jalan dan sebagainya? Jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk mengatasinya?

X. Y.B. Encik Song Ban Kheng bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan parit-parit di luar bandar yang sentiasa tersumbat dengan sampah-sarap?
2. (a) Memandangkan masalah kesesakan lalu lintas yang begitu buruk di Bukit Mertajam adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil tindakan segera untuk meluaskan Jalan Aston bagi membolehkan lalu lintas dua hala di Jalan tersebut? Jika tidak, sila sebutkan apakah halangannya?

- (b) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina sebatang jalan susur untuk menyambung Kampung Berapit dengan Jalan Kulim supaya lalu lintas yang menuju ke Kampung Berapit dan kawasan berhampiran dari Jalan Kulim atau sebaliknya tidak perlu masuk melalui bandar?
- 3. Penduduk Bukit Mertajam telah mendapat tahu bahawa Kerajaan Negeri bercadang untuk membuka suatu Taman Rekreasi di Bukit Mertajam. Setakat manakah kemajuan yang telah dicapai dan tarikh Taman tersebut dijangkakan siap?
- 4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina sebuah Dewan Serbaguna di Seberang Perai untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk yang merupakan 48% dari penduduk seluruh negeri?

XI. Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

- 1. Adakah beliau sedar bahawa masih terdapat banyak Rumah Kos Rendah di Rancangan Jawi, Bukit Panchor dan Valdor belum diperuntukkan kepada penduduk-penduduk yang sangat-sangat memerlukan rumah? Jika ya, sila beritahu:-
 - (a) Berapakah jumlah unit yang masih belum diperuntukkan di Rancangan-rancangan perumahan tersebut?
 - (b) Apakah sebabnya unit-unit perumahan di rancangan-rancangan tersebut masih tidak diperuntukkan?
 - (c) Bilakah peruntukan ini akan dilaksanakan sepenuhnya?
- 2. Berapakah jumlah unit perumahan kos rendah yang telah diperuntukkan di Negeri Pulau Pinang selepas Pilihanraya Umum 1982? Sila beri pecahan mengikut bangsa dan kawasan.
- 3. Adakah beliau sedar bahawa beberapa tahun kebelakangan ini pengaduan-pengaduan seringkali dibuat di dalam Dewan ataupun di luar mengenai keadaan pamaritan di sekitar kawasan Pekan Nibong Tebal dan saluran-saluran parit di Sungai Bakap dan setakat ini masih belum ada tindakan positif yang diambil oleh pihak-pihak berkenaan. Akibatnya telah melibatkan beberapa kerosakan harta-benda dan kehilangan ternakan? Jika ya, bilakan Kerajaan Negeri akan menjalankan kerja-kerja untuk memperbaiki sistem pamaritan di Nibong Tebal dan Sungai Bakap?
- 4. Di bawah Rancangan Malaysia Ke 4, berapakah projek jalan yang akan dilaksanakan di Seberang Perai Selatan.
Sila berikan nama jalan-jalan mengikut:-
 - (i) Jalan Kampung
 - (ii) Jalan Negeri, dan
 - (iii) Jalan Persekutuan

5. Dalam rancangan pembekalan air ke kampung-kampung, berapakah projek yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke 4 di Seberang Perai Selatan?

XII. Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Adakah Kerajaan sedar bahawa rancangan pemulihan sawah di Balik Pulau sedang giat diusahakan secara moden dan projek perintis ini telah pun didapati berjaya dan kejayaan projek ini bergantung kepada pamaritan air yang baik. Apakah persediaan awal yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?
 - (a) Dalam hubungan ini apakah rancangan Kerajaan di masa hadapan?
 - (b) Untuk mengekalkan kawasan pertanian ini adakah pembangunan di sekitarnya akan dihadkan?
2. Adakah pembinaan Jalan Tun Sardon antara Balik Pulau ke Bukit Logan dianggap yang terbaik sekali? Pada pandangan saya jalan ini mungkin tidak mengikut taraf Jabatan Kerja Raya. Ini terbukti selepas sahaja dibuka dengan rasminya Jalan tersebut telah pecah, dan berlubang-lubang. Bila hujan pula, tanah runtuh dan batu-batu besar bergolek dan ini sungguh merbahaya kepada keselamatan pengguna dan orang ramai dan hingga sekarang pun masih berlaku.
 - (a) Adakah jalan ini masih dalam jaminan pihak pemborong atau pun telah diserahkan kepada Kerajaan?
 - (b) Berapakah perbelanjaan bagi membina jalan ini?
 - (c) Jika telah diserahkan kepada Kerajaan oleh pihak pemborong tidakkah ini akan menjadi beban perbelanjaan yang besar untuk penyelenggaraan memandangkan keadaan jalan itu sekarang?
3. Adalah saya difahamkan bahawa segala perancangan telah pun siap untuk membina kompleks Pejabat Daerah, Daerah Barat Daya Pulau Pinang di Kawasan Pondok Upeh, Balik Pulau. Bilakah projek ini akan dilaksanakan?
4. Dalam kajian IADP Kerajaan Persekutuan telah pun meluluskan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Keempat pada dasarnya:
 - (a) Berapakah peruntukan yang telah disediakan?
 - (b) Berapa banyakkah pula daripadanya diperuntukan di kawasan Telok Bahang Balik Pulau, Pulau Pinang.
 - (c) Bilakah rancangan ini akan dilaksanakan?
5. Adakah Kerajaan sedar bahawa bekalan air di kawasan Balik Pulau didapati kurang memuaskan kerana paipnya kecil dan tekanan airnya tidak kuat?

- (a) Bilakah paip-paip air yang lebih besar akan dipasang?
 - (b) Mengapakah paip-paip yang ada sekarang sentiasa pecah; boleh dikatakan pada setiap bulan dua sehingga tiga kali berlaku dan ini mengganggu bekalan air kepada pengguna-pengguna.
6. Adakah Kerajaan sedar bahawa jalanraya di kawasan Telok Bahang tidak diselenggara dengan sempurna?
- (a) Berapa lamakah jarak masa yang diambil sekali bagi membersihkan rumput-rumput dan lalang-lalang?
 - (b) Berapa lamakah pula jarak masa bagi pihak penyelia membuat pemeriksaan ke atas jalan-jalan yang berlubang, retak dan tebing-tebing konkrit jalan?
 - (c) Dalam tempoh masa berapa lamakah pemeriksaan akan dijalankan ke atas "Metal Grating" di jambatan-jambatan bagi menentukan bahawa keadaan jambatan di kawasan ini sentiasa berkeadaan baik dan tidak merbahaya? Ini adalah disebabkan dalam masa 6 bulan dua buah jambatan telah roboh bahagian tengah dan berapa batangkah jambatan atau titi yang telah mengalami kejadian yang sedemikian?
7. Dalam masa akhir-akhir ini, setelah 25 tahun merdeka penggunaan Bahasa Malaysia secara menyeluruh telah didapati tidak dihormati sepenuhnya mengikut Perlembagaan Negara, kerana masih terdapat Pejabat-Pejabat Kerajaan, Badan Berkanun Kerajaan dan Swasta yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia ketika dalam urusan mesyuarat-mesyuarat rasmi mahupun tidak rasmi. Apakah caranya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan Bahasa Malaysia digunakan sepenuhnya bagi menunjukkan imej negara dan penghormatan terhadap Bahasa Malaysia?
8. Kebudayaan National berteraskan kebudayaan penduduk-penduduk negara ini boleh diterima dan bersesuaian dengan rakyat keseluruhannya bagi menunjukkan identiti Malaysia.
- Apakah pakaian rasmi yang dipakai oleh penduduk Negeri Pulau Pinang untuk menghadiri istiadat-istiadat rasmi Kerajaan?
- Mengapakah Datuk-datuk bukan Melayu tidak dimestikan memakai pakaian yang sama seperti Datuk Melayu?

XIII. Y.B. Encik Yusof bin Salleh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah sebuah badan yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan masalah kemajuan, pembangunan dan sosial rakyat Negeri Pulau Pinang. Oleh itu sejauh manakah tugas ini telah dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak ianya ditubuhkan sehingga hari ini?
2. Apakah tujuan dan perlunya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengujudkan satu jabatan yang dianggotai oleh se-

jumlah besar jurutera yang mungkin berjumlah 20 orang sehingga melebihi bilangan kakitangan tekniknya? Bukankah tindakan ini semata-mata melibatkan perbelanjaan yang besar kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sendiri?

3. Bilakah keadaan persaimbangan kedudukan perjawatan yang mencerminkan dasar Ekonomi Baru akan ujud dalam Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang? Mengapakah ianya harus terjadi demikian sehingga sekarang?
4. Berhubung dengan projek kilang kulat di Seberang Jaya:
 - (a) Berapakah keuntungan yang telah diperolehi sejak ianya mula dijalankan hingga sekarang?
 - (b) Sekiranya projek ini sedang mengalami kerugian, berapakah jumlah hutang yang ditanggung?

XIV. Y.B. Encik Chin Nyok Soo bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Dalam pengambilan balik tanah kepunyaan rakyat, apakah jenis gantirugi yang dibayar kepada tuan-tuan yang berkenaan?
2. Adakah beliau sedar Pengerusi Jawatankuasa Perumahan telah mengumumkan dalam akhbar tempatan baru-baru ini bahawa Kerajaan akan menarik balik sebanyak 50 unit rumah di rancangan rumah pangsa Taman Free School? Adakah 50 unit rumah itu telah ditarik balik? Jika ya, apa sebab-sebabnya; mengapa permohonan bagi 50 unit rumah itu telah diperuntukan dan sebutkan nama penduduk-penduduk yang tinggal di rumah-rumah itu.
3. Dalam peruntukan unit-unit rumah pangsa di Taman Tun Sardon, berapakah jumlah pemohon yang telah berjaya dalam permohonan mereka; sila beri bilangan pemohon-pemohon yang berjaya itu mengikut kaum?
4. Bilakah Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 dikuatkuasakan; dan apakah tujuan utama untuk menguatkuasakan undang-undang ini? Selepas penguatkuasaan undang-undang ini, adakah ini bermakna sebelum mendapat kelulusan dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang seseorang pemaju rumah tidak boleh memulakan sesuatu pembinaan rumah?
5. Adakah beliau akan menggunakan pengaruhnya untuk memberhentikan projek Perumahan Farlim dari kerja-kerja meratakan tanah dan menebang pokok-pokok buat sementara di Taman Thean Teik agar mata pencarian kaum petani di tempat tidak terjejas? Ini adalah memandangkan bahawa Ketua Menteri telah campur-tangan dalam pertikaian di antara pihak penduduk-penduduk Taman Thean Teik dan pihak pemaju rumah dan Khoo Kongsu.
6. Dalam rancangan beliau untuk menyelesaikan pertikaian di antara penduduk-penduduk Taman Thean Teik dan pihak pemaju, adakah beliau akan menggunakan jasa baiknya untuk merayu

pihak Khoo Kongsi dari segi perikemanusiaan memperuntukkan tapak tanah di kawasan pendalaman Taman Thean Teik kepada kaum tani supaya mereka akan dapat meneruskan kerja-kerja penanaman dan penternakan.

(B) Bertulis:

(I) Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Mengapakah tanah rata yang terdapat sekarang ini di antara Universiti Sains Malaysia dan tanah yang telah diambilbalik yang berhampiran dengan bukit-bukit itu tidak diambilbalik?
- (b) Adakah Kerajaan akan menimbang untuk meninggikan nilai tanah-tanah yang diambilbalik bagi Universiti Sains Malaysia?
- (c) Adakah Kerajaan akan memberi tapak gantian kepada pemilik-pemilik tanah yang tinggal dan sedang mengusahakan tanah yang diambil balik itu?
2. (a) Apakah yang menyebabkan Cangkat Minden Jalan 7 dan 4 serta Lorong 6 dibanjiri lumpur walaupun hujan selama duapuluh minit sahaja? Dari manakah lumpur itu datang?
- (b) Apakah tindakan yang telah diambil untuk memulihkan keadaan ini.
3. (a) Apakah yang menyebabkan banjir di merata-rata tempat di Pulau Pinang terutamanya di Sungai Nibong, Pesiaran Sungai Dua, Relau dan Bayan Baru dalam bulan September dan Oktober, 1982 baru-baru ini?
- (b) Apakah tindakan yang telah ataupun yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini?
4. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kawasan perumahan di Pesiaran Sungai Dua selalu dilanda banjir walau pun hujan turun tidak begitu lebat?
- (b) Apakah yang menyebabkannya?
- (c) Apakah tindakan yang akan diambil?
5. (a) Bilakah sistem lampu trafik akan dipasang di jalan berkembar yang baru dibina dari Lapanganterbang Antarabangsa Bayan Lepas ke Jalan Mesjid Negeri iaitu dipersimpangan
 - (i) Bayan Baru
 - (ii) Pekan Glugor:
- (b) Berapakah jumlah jejambat yang akan dibina di sepanjang jalan berkembar dari Lapanganterbang Antarabangsa ke Jalan Mesjid Negeri?
 - (i) Bilakah ianya akan dibina? Sila nyatakan pembinaan dimulakan dan tarikh dijangkakan siap?

6. (a) Berapa banyakkah unit perumahan kos rendah yang telah siap dan telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri?
- (b) Bagaimanakah peruntukan ini diberi mengikut komposisi kaum?
- (c) Berapakah jumlah unit perumahan kos rendah yang telah siap dan telah diperuntukkan di dalam setiap Skim Perumahan mengikut komposisi kaum?
- (d) Adakah Dasar Kerajaan meliputi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?
- (e) Adakah unit-unit perumahan kos rendah yang dibina oleh pihak UDA dan koperatif dianggap sebagai unit perumahan Kerajaan (Awam) atau swasta? Jika tidak, mengapa?

II. Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Pada tahun ini, Kerajaan Pusat telah melancarkan langkah-langkah berjimat cermat di seluruh negara (austerity drive). Adakah projek-projek Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dalam Negeri Pulau Pinang yang terlibat atau dibekukan kerana pelancaran tersebut? Jika ada, sila beritahu projek-projek tersebut; jumlah peruntukan untuk setiap projek itu; dan tempat rancangan projek itu akan dilaksanakan.
2. Memandangkan bahawa kebanyakan daripada sungai-sungai di Negeri kita telah mengalami pencemaran, (polluted), apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bagi memastikan air paip kita selamat untuk digunakan (consumed)? Adakah air yang digunakan ini air yang berkualiti? Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk mengadakan dasar sumber air? Jika tidak, apakah masalah yang dihadapi?
3. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa nelayan-nelayan di Bagan Jermal dan juga dari tempat-tempat tertentu di Seberang Perai sedang menghadapi masalah bagi mendapatkan pengkalan yang sesuai untuk kapal-kapal dan bot-bot mereka? Jika ada, sila terangkan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil bagi mengatasi masalah ini?

III. Y.B. Tuan Haji Jusoh @ Hj. Yusoff Hilmi bin Haji Shafie bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Adakah beliau sedar tentang kerja-kerja yang tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh kontrektor Kolam Air Mengkuang, Bukit Mertajam telah mengakibatkan pencemaran air di sawah-sawah pagi di Seberang Perai Tengah?
- (b) Apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengelakkan berlakunya kerosakkan sawah-sawah di kawasan tersebut disebabkan oleh pencemaran itu?

2. Adakah royalti dibayar kepada Kerajaan Negeri bagi tanah-tanah yang dikorek keluar dari Kolam Air Mengkuang itu?
3. (a) Adakah pihak Pihak Berkuasa Air sedar bahawa permohonan untuk memasukkan paip air kecil ke seluruh kampung di luar bandar yang begitu banyak tidak dapat disegerakan?
 (b) Apakah langkah-langkah usaha yang patut diambil supaya pemasangan paip-paip air tersebut dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin?

IV. Y.B. Encik Teoh Teik Huat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Berapakah jumlah unit rumah yang telah siap dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak ianya ditubuhkan hingga kehari ini;
 (b) jumlah unit rumah yang telah dibina dan siap untuk satu-satu peringkat harga yang telah ditetapkan;
 (c) jumlah unit rumah yang siap dibina mengikut satu-satu kawasan;
 (d) jumlah permohonan yang diterima tetapi tidak mendapat peruntukan unit perumahan sehingga ini?
 (e) mengikut pecahan jenis unit perumahan yang dipohon.
 (f) jumlah wang yang telah dikutip untuk wang pendaftaran;
 (g) tujuan wang pendaftaran tersebut dikutip; dan
 (h) bagaimanakah wang pendaftaran yang telah dikutip itu digunakan?
2. (a) Nyatakan jumlah pinjaman yang diperolehi oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang daripada Kerajaan Negeri dan Pusat; dan
 (b) jumlah pinjaman yang diperolehi oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang daripada Institusi Kewangan dan nama institusi-institusi kewangan tersebut?
 (c) Jumlah hutang yang belum dibayar kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan nama pihak yang berhutang?
3. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan menampung keperluan jumlah kereta-kereta yang dijangkakan bertambah di Komtar?
 (a) Berapakah jumlah kereta yang boleh dimuatkan ditempat letak kereta bangunan tersebut?
 (b) Adakah sebarang langkah diatur untuk menyediakan ruangan bagi meletak motosikal dan basikal?
 (c) Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengatur tempat-tempat letak kereta bagi semua kakitangan Kerajaan

Kerajaan dan Majlis Perbandaran yang akan berpindah ke Komtar pada akhir tahun hadapan?

- (d) Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengambil kira apabila lot-lot pejabat dan kedai dibangunkan Komtar telah penuh disewa, jumlah bilangan kereta yang memerlukan tempat meletak kereta akan bertambah banyak?
 - (e) Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sedar tentang bilangan pengunjung yang ramai akan datang ke berbagai Jabatan di Komtar pada setiap hari dan adakah sebarang peruntukan ruangan tempatan meletak kereta bagi mereka?
 - (f) Apakah rancangan yang telah dibuat oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mengatur perjalanan lalulintas dari Komtar semasa kesibukan?
4. Memandangkan kenyataan Menteri Perusahaan Awam baru-baru ini yang mengarahkan semua Perbadanan Kemajuan Negeri memberhentikan secara sistematik projek-projek perumahan yang sedang dijalankan.
- (a) Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengikut arahan ini?
 - (b) Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?
 - (c) Setakat manakah arahan itu memberi kesan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang?
5. Adakah beliau sedar bahawa hanya Jawatankuasa Penasihat Negeri (State Advisory Committee) mengenai lesen-lesen teksi yang boleh membuat cadangan kepada Kementerian Perusahaan Awam dalam menentukan pengeluaran lesen-lesen dan keperluan-keperluan teksi sesuatu negeri?
- (a) Jika ya, adakah Jawatankuasa tersebut telah ditubuhkan dan bila? Jika tidak, mengapa?
 - (b) Apakah syor-syor yang telah dibuat setakat ini?
6. (a) Berapakah harga belian yang akan dibayar oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk membeli ruangan pejabat di Komtar dan nyatakan jumlah keluasan ruangan tersebut?
- (b) Apakah yang akan dibuat kepada bangunan Majlis Perbandaran sekarang bila ianya telah berpindah ke Komtar?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan mengarahkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk terus menggunakan bangunannya yang lama memandangkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang terpaksa membayar harga ruangan pejabat yang tinggi untuk berpindah ke Komtar sedangkan bangunan lama tidak perlu disewa?

7. Sila beri butir-butir perbelanjaan tahunan Kerajaan Negeri bagi membiayai Pesta Pulau Pinang sejak ianya mula dianjurkan dan berapakah anggaran perbelanjaan Pesta Pulau Pinang bagi tahun ini?
8. Nyatakan rancangan Kerajaan Negeri dalam penubuhan Bank Tanah dengan menebusguna tanah-tanah di dalam Negeri Pulau Pinang:
 - (a) kawasan tanah yang dicadangkan untuk menjalankan kerja-kerja tebusguna;
 - (b) jumlah keluasan tanah yang dicadangkan untuk ditebusguna;
 - (c) anggaran perbelanjaan untuk kerja-kerja menebusguna;
 - (d) bagaimana tanah yang telah ditebusguna itu akan digunakan; dan
 - (e) apakah projek-projek yang dicadangkan akan dibangunkan di atas tanah yang ditebusguna?
9. Adakah beliau sedar bahawa masih terdapat banyak unit-unit rumah pangsa di blok A, B dan C di Taman Free School yang masih kosong walaupun rumah-rumah pangsa tersebut telah siap pada tahun lalu?
 - (a) Jika ya, berapakah jumlah unit yang masih kosong?
 - (b) Kepada siapakah unit-unit tersebut akan diperuntukkan?
 - (c) Mengapa unit-unit tersebut dibiarkan kosong?

V. Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Berapakah jumlah permohonan yang telah diberi kebenaran atau kelulusan pembaruan/memperbaiki atau tambahan rumah di Seberang Perai Selatan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai sejak tahun 1980 hingga ke hari ini mengikut pecahan angka?

VI. Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Bilakah Kerajaan Negeriewartakan kawasan Bukit Gambiar sebagai tanah bukit?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri mengawal pengambilan tanah merah dari kawasan tersebut?
2. (a) Nyatakan bilangan unit rumah kediaman, kedai-kedai dan tempat-tempat ibadat yang terlibat dalam projek pembinaan jalanraya dari Lapangan Terbang Antarabangsa ke bandar Georgetown?
- (b) Berapa jumlah wang pampasan yang telah dibayar?
3. (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina jalan ke Bukit Bendera? Kalau ada, berapakah kos perbelanjaannya dan bilakah akan siap?

- (b) Adakah Kerajaan sedar pembinaan jalan ini memberi faedah kepada golongan yang berada sahaja dan banyak jalan-jalan luar bandar yang masih belum dibuat dan ditar?
- (c) Bilakah jalan-jalan tanah merah yang telah dibina hendak ditar dan berapakah perbelanjaannya?

VII. Y.B. Encik Karpal Singh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Apakah bentuk biasiswa-biasiswa yang diberi kepada penuntut-penuntut dalam Negeri Pulau Pinang bagi mengikuti pendidikan tinggi sejak tahun 1960 dan mengikut pecahan kaum?
2. Berapakah jumlah bilangan rumah-rumah perdagangan dan rumah-rumah kediaman yang dimiliki oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang? Sebutkan kos penyelenggaraan (maintenance) bangunan-bangunan tersebut dan hasil sewa yang dikutip. Adakah ia mengalami kekurangan wang (deficit)? Adakah pihak Majlis Perbandaran bercadang untuk menjual rumah-rumah tersebut kepada penghuni-penghuninya?
3. Berikan bilangan jumlah pekerja kedai-kedai tuak Kerajaan di Negeri Pulau Pinang yang disahkan sebagai pekerja-pekerja Kerajaan Negeri. Bilakah pengesahan seumpama itu telah diberi? Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?
4. Berapakah jumlah skim-skim perumahan kos rendah yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak tahun 1968 dan peruntukan unit-unit dalam skim-skim tersebut mengikut pecahan kaum?
5. Sila beri butir-butir akaun dan penyata kewangan bagi anak-anak Syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang terdapat di dalam Negeri setakat ini? Nyatakan nama anak-anak Syarikat yang mengalami kerugian dan alasan-alasan tentang kerugian tersebut?

VIII. Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Memandangkan kepada keadaan kelam-kabut di Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam
